Suka duka 2015

Sebagai penutup tirai 2015, Gah! menyajikan perkembangan dunia hiburan Melayu setempat, meliputi pencapaian cemerlang, sanjungan tinggi terhadap pejuang muzik dan drama, sambutan SG50, perkahwinan gah selebriti dan pemergian artis yang disayangi ramai.

PENCAPAIAN MEMBANGGAKAN

Digelar juara Akademi Fantasia 2015

Penyanyi Sufie Rashid mencipta sejarah sebagai pelajar pertama dari Singapura yang menjadi juara rancangan realiti Akademi Fantasia (AF) 2015 di Malaysia pada Oktober lalu.

Beliau telah mendapat sokongan besar daripada pengundi Malaysia dan mendapat 41.3 peratus undian penonton, menewaskan tiga finalis lain – Syamel, Bila dan Shahrul.

Bakat Sufie turut mendapat perhatian pengetua AF2015, Edry Abdul Halim, yang telah membimbing Sufie dalam pertandingan itu.

Dalam satu komen peribadinya selepas kemenangan Sufie diumumkan, Edry memberitahu Gah! bahawa "...dari awal lagi, Sufie bijak memancing undi orang ramai termasuk orang Malaysia dengan mutu suaranya."

Beliau percaya "... Sufie pun boleh diterima diMalaysia."

Ternyata, Sufie telah menunjukkan kemajuan dan potensi besar pada tahun ini.

Artis cilik ini mekar menerusi laman video YouTube dan kemudian digelar naib juara peraduan realiti SG Mania pada tahun lalu. Lagunya, *Tiada Pengganti*, telah menang kategori Lagu Terbaik (Singapura) di Anugerah Planet Muzik (APM) 2014.

Beliau juga telah dipilih ke Myanmar bagi Pesta Lagu Radio Kesatuan Penyiaran Asia-Pasifik (ABU) pada 29 Mei lalu.

Antara peserta terbaik Asia's Got Talent

Suara lantang penyanyi Fathin Amira Zubir telah memukau pengadil pemuzik antarabangsa, Anggun, David Foster dan Van Ness Wu semasa uji bakat rancangan realiti, Asia's Got Talent.

Lantaran itu, Fathin, anak gadis pemain gambus dan pejuang muzik tradisional, Zubir Abdullah, telah terpilih antara 24 peserta terbaik dalam rancangan tersebut pada tahun ini.

Walaupun Fathin tidak memenangi pertandingan realiti itu, ia pastinya telah meninggalkan satu kenangan manis buatnya.

Sebelum ini, Fathin pernah menyertai pertandingan Singapore Idol, The Final 1 dan SG Mania.

Lagu rancak ciptaannya, *Bon Sebenarnya*, pernah dicalonkan bagi kategori Lagu Paling Popular (Singapura) di APM.

MENYANJUNG LEGENDA

A. Ramlie and The Rhythm Boys

Pemuzik perintis Singapura, A. Ramlie and The Rhythm Boys, telah mendapat pengiktirafan Anugerah Khas Planet Muzik 2015 sempena sambutan ulang tahun Singapura yang ke-50 (SG50).

Penyanyi dan kugiran kegemaran ramai pada era 1960-an itu terkenal dengan lagu-lagu malar segar seperti *Oh Fatimah* dan *Hidup Bersama*.

Nona Asiah

Konsert Si Cempaka Biru – Celebrating the Life of Nona Asiah menjunjung budi penyanyi legenda, Nona Asiah atau lebih mesra dipanggil Mak Nona.

Dalam konsert anjuran pusat seni Esplanade sempena acara Pesta Raya tahun ini, enam penyanyi muda – Aisyah Aziz, Amni Musfirah Abdul Rashid, Sarah Aqilah, Imran Ajmain, Elfie Ismail dan Rudy Djoharnaen – telah mendendangkan lagu klasik Mak Nona.

Setiap lagu yang berkumandang dalam konsert itu mencerminkan perjalanan seni Mak Nona yang mengiktiraf pelbagai aspek seni sekali gus – nyanyian bermutu, penghargaan bakat-bakat cilik dalam bidang seni suara, fesyen moden (ciptaan beliau sendiri) dan penerbitan album kanak-kanak.

Ponisah Bachik

Dramatis terkenal Ponisah Bachik yang lebih dikenali sebagai Pon Bachik diberi Anugerah Perdana Emas di Pesta Perdana 13.

Pengiktirafan sempena sambutan SG50 tersebut menyanjung sumbangan Pon dalam menyemarakkan industri seni setempat dan kecemerlangnya dalam bidang lakonan.

MERAIKAN SG50

Konsert Sing50

Barisan bakat muzik terkemuka Singapura dari tahun 1960-an hingga ke hari ini telah memeriahkan konsert Sing50 yang memberi penghormatan kepada 50 tahun muzik Singapura. Antara bakat muzik yang terlibat adalah Dick Lee, Jeremy Monteiro, Vernon Cornelius, Jeffrydin, Papa Rock Ramli Sarip, Douglas Oliverio, Jacintha Abisheganaden, Najip Ali, Sheik Haikel dan Sezairi Sezali.

Di TV

Empat rancangan – *Jalan Ampas*, *Viva Muzik SG50*, *Perintis Kita* dan *Jalan SG50* – ditayangkan di saluran Suria sempena sambutan 50 tahun kemerdekaan Singapura (SG50).

YANG DINANTIKAN

Sudah kahwin dan kekal popular

Penyanyi kegemaran rakyat Singapura, Taufik Batisah, mengakhiri zaman bujangnya dengan menikahi isterinya, Cik Sheena Akbal, pada 4 April lalu.

Majlis persandingannya di bangunan Luzerne di Bendemeer disambut meriah dengan kehadiran lebihi 3,000 tetamu yang merangkumi ahli keluarga dan kawan.

Taufik telah menyerikan majlis dengan mendendangkan lagu *Hanya Kamu* khas untuk isteri tersayang semasa bersanding di pelamin.

Selepas bergelar suami, popularitI juara Singapore Idol pertama ini masih bertahan.

Penyanyi yang terkenal dengan lagu *#Awakkatmone* telah membawa pulang empat daripada 19 trofi APM 2015 bagi kategori Lagu Paling Popular (Singapura), Lagu Paling Popular APM, Artis Paling Popular (Singapura) dan Ikon Media Sosial.

Kesemua anugerah itu berdasarkan undian peminat.

Sebelum tahun ini berakhir, Taufik baru sahaja menghasilkan lagu khas buat golongan perintis berjudul *Izinkanku*.

Lagu itu dilihamkan daripada bapa saudaranya, Allahyarham A. Ramlie, dan juga ibunya, Normainah Bachok, dan ibu saudaranya, Maria Bachok.

PENGIKTIRAFAN BUAT ARTIS

Anggun, inspirasi ramai

Sanjungan tinggi diberikan kepada penyanyi antarabangsa, Anggun Cipta Sasmi, di Anugerah Planet Muzik tahun ini.

Penyanyi kelahiran Jakarta ini diberi anugerah Rentas Planet Muzik di Suntec Singapore – satu kategori baru APM yang menyanjung artis Melayu teladan yang menembusi pasaran antarabangsa serta mencetus inspirasi kepada ramai artis lain.

Anggun juga lebih kerap dilihat dalam beberapa acara di Asia tahun ini.

Beliau telah dilantik sebagai pengadil dalam rancangan realiti Asia's Got Talent; dipilih untuk berkongsi kisahnya dalam satu kempen #changedestiny anjuran jenama kecantikan SK-II; dan telah membuat persembahan di acara Anugerah Televisyen Asia 2015.

Legenda jaz Malaysia

Penerbit eksekutif dan penulis naskhah filem setempat, Kevin Chin, menghasilkan filem muzikal Sinaran The Movie bagi memberi penghormatan kepada legenda jaz Malaysia, Datuk Sheila Majid.

Terbitan Sinaran Pictures (syarikat Singapura) dan Nuansa Sdn Bhd dan diarah oleh Osman Ali, ia memaparkan pelakon serantau seperti Lisa Surihani dan Izara Aishah dari Malaysia; Evan Sanders dari Indonesia serta Nadiah M. Din dan Syarif Sleeq dari Singapura.

Filem yang menelan belanja $1.3 juta dengan sebahagian kos penerbitannya dibiaya Skim Geran Bantuan Penerbitan Penguasa Pembangunan Media (MDA) itu dilancarkan di Politeknik Temasek, tempat utama dalam penggambaran filem itu di Singapura.

Dirindui selamanya

Air mata peminat dan rakan artis bercurahan tahun ini dengan pemergian pelakon dan pelawak yang mengejutkan. Rasa kehilangan turut dirasakan dengan berita pemergian tokoh filem dan pejuang muzik yang telah mencuit hati dan menghiburkan masyarakat.

Ashmi periang dan mudah tersenyum

Hanya kata-kata pujian diberikan kepada pelakon muda Allahyarham Ashmi Roslan, 34 tahun, apabila rakan artis mendapat berita tentang pemergiannya.

Allahyarham meninggal dunia pada 10 Jun lalu sekitar 10.50 malam akibat serangan jantung.

Semasa upacara pengebumian Allahyarham di Pusara Aman, kawan baiknya, Fadhlur Rahman, menyifatkan Allahyarham sebagai seorang periang yang murah senyuman.

Pelakon veteran Aminah Ahmad yang berlakon sebagai ibu mentua Allahyarham dalam drama *Walimah*, berkata sesiapa pun mudah berkawan dengan Allahyarham.

Teman-temannya dari seberang Tambak seperti pelakon Iqram Dinzly dan Hisyam Hamid sanggup bergegas ke Singapura dari Kuala Lumpur supaya mereka dapat melawat jenazah Allahyarham buat kali terakhir.

Ramai lagi rakan, terutama pasangan Allahyarham, Syirah Jusni, terkesan dengan pemergiannya.

Allahyarham telah menyerikan industri hiburan setempat dengan pelbagai drama termasuk *Bingit*, *Walimah 2*, *Yazid Pakai Lompin*, *Tak2ut* dan *Jalan Ampas*.

Allahyarham akan dirindui selamanya.

Kehilangan sangat besar

Pemergian pelakon dan pelawak terkenal, Allahyarham Harun Salim Bachik, 55 tahun, telah meninggalkan kesan mendalam terhadap teman lawak, Afdlin Shauki.

Allahyarham telah menghembuskan nafas terakhir selepas rebah di Hentian Rehat dan Rawat (RRR) Gunung Semanggol di Bukit Merah, Perak, pada 8 Mac lalu sekitar 5 petang.

Mengenang Allahyarham, Afdlin telah berkata kepada pihak media selepas upacara pengebumian Allahyarham, "Bagi saya pemergian Allahyarham adalah sebuah kehilangan yang sangat besar dan saya boleh katakan hanya dia sahaja yang mampu bertahan dan relevan biarpun sudah berdekad lamanya penampilan beliau dalam industri."

Rindu P. Ramlee Singapura

Ramai pengikut di laman Facebook P. Ramlee Singapura yang mempunyai hampir 5,000 teman dan lebih 2,300 pengikut, menyampaikan ucapan takziah sejurus mereka mengetahui tentang pemergian Allahyarham Shafiee Hamzah, 43 tahun.

Beliau meninggal dunia pada Ogos lalu di rumah, dikelilingi keluarganya.

Encik Rosley Jimaen daripada Life Record, yang sering menjadi pengacara bagi persembahan Allahyarham di ekspo perkahwinan, menyifatkan beliau sebagai seorang yang rendah hati dan cekal.

Allahyarham mendapat gelaran P. Ramlee Singapura selepas berjaya memenangi pertandingan Bintang P. Ramlee anjuran bersama stesen Warna 94.2FM di Kelab Masyarakat Kebun Bahru pada 2010.

Penyanyi veteran M. Rahmat

Nama penyanyi era 1960-an dan 1970-an, Ramon Rahmat Mohamed Sudir, atau lebih dikenali sebagai M. Rahmat, 69 tahun, harum apabila beliau menubuhkan kugiran Teruna dengan beliau sendiri menjadi vokalis dan pemetik gitar, sementara Asmah Atan sebagai penyanyi wanita. Beliau meninggal dunia pada Februari lalu.

Seniman Karim Latiff

Pelakon veteran, Allahyarham Karim Latiff atau nama sebenar Abdul Karim Abdul Latiff, 78 tahun, dikenali dengan watak Safar dalam filem *Ahmad Albab* dan turut menyerlah dalam filem seperti *Sumpah Pontianak*, *Mansuri* dan *Anak Bapak*. Beliau meninggal dunia pada Ogos lalu.

Seniwati Mariani

Primadona Filem Melayu klasik, Allahyarhamha Mariani, atau nama sebenarnya Siti Mariam Ismail, 82 tahun, telah membintangi sekitar 20 filem pada tahun 1950-an dan 1960-an.

Antara filem tersebut ialah *Labu Labi*, *Nasib Si Labu Labi*, *Tiga Abdul*, *Ahmad Albab* dan *Darah Muda*. Beliau menghembuskan nafas terakhir pada 1 Disember lalu.

Seniwati Momo Latiff

Allahyarhamha Mak Momo, atau nama sebenarnya Marfoah Makarim, 92 tahun, telah menghiburkan penonton sebagai "mak ae" yang rajin membuat kopi untuk si bujang dalam *Pendekar Bujang Lapok*.

Beliau juga sering dilihat memberi sokongan kepada kegiatan seni tempatan biarpun terpaksa menggunakan kerusi roda. Beliau baru pulang ke rahmatullah pada 10 Disember lalu.

Pelawak kegemaran

Gelagat Allahyarham Yus Jambu, atau nama sebenarnya Yusry Edoo, 39 tahun, baru kelihatan dalam rancangan lawak setempat, *Super Spontan Upsize*, pada Ogos lalu.

Justeru, berita tentang pemergian Allahyarham memberi kejutan kepada peminat dan rakan artis setempat.

Antara pelawak Singapura yang telah bekerjasama dengannya dalam program itu, Mamat Bora, telah melahirkan rasa terkejut dan sedih sejurus mendengar berita tersebut.

Mamat menyifatkan Allahyarham sebagai seorang yang sempoi, peramah dan tidak lokek ilmu.

Allahyarham telah meninggal dunia pada 30 November sekitar 12.45 pagi, dipercayai akibat serangan jantung di Hospital Selayang.

Allahyarham mula dikenali selepas menjuarai Raja Lawak musim pertama pada 2007 dan telah membuat ramai tidak kering gusi sehingga di pentas Maharaja Lawak Mega.

Teks **NURMAYA ALIAS** • Grafik **HAZAMI HAMIDON** • Foto-foto **FAIL**